

Awas wanita!

Metro 27/4/2011 MS 4.

Bahan perangsang seks diguna lelaki hidung belang

>>Oleh Nazdy Harun dan Zaid Salim

ami@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Caranya mudah. Cuma koyak, campurkan ke dalam minuman dan kacau hingga sebati, namun kesannya amat berbahaya kerana ia dikatakan mampu meningkatkan nafsu seks wanita secara mendadak hingga memudahkan mereka menjadi mangsa rogol.

Bungkusan serbuk perangsang seks yang berharga RM15 hingga RM50 sebungkus itu kini sering digunakan lelaki hidung belang sekitar bandar ini untuk memerangkap wanita yang baru dikenali hingga ke bilik tidur.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner K Manoharan meminta orang ramai terutama wanita lebih berhati-hati untuk mengelakkan mereka menjadi mangsa lelaki yang melakukan jenayah seks menggunakan serbuk perangsang seks terbabit.

Menurutnya, biarpun belum menerima laporan kes khususnya rogol yang menggunakan bahan perangsang seks terbabit, polis tidak menolak kemungkinan kejadian seperti itu boleh berlaku.

"Ini kerana bukan semua mangsa jenayah seks termasuk rogol membuat laporan polis. Setakat ini, kebanyakan kes rogol yang dilaporkan berlaku atas dasar suka sama suka, jadi ada juga kemungkinan ia disebabkan penggunaan bahan perangsang seks itu," katanya ketika dihubungi.

Seorang lelaki yang mahu dikenali sebagai Ejoe, 25,



**BERBAHAYA
...Ejoe
menunjukkan
serbuk
perangsang
seks.**

berkata bahan perangsang itu dijual meluas termasuk di kawasan kaki lima pasar dan sesiapa saja boleh membelinya tanpa kawalan.

"Serbuk perangsang itu amat bahaya kepada wanita. Jika seseorang lelaki mempunyai niat tidak baik, hanya dengan menggunakan bahan itu dia boleh meniduri mangsa biarpun baru beberapa minit berkenalan.

"Saya pernah lihat rakan meletakkan serbuk itu ke dalam minuman seorang wanita yang baru dikenali dan tidak sampai 15 minit wanita berkenaan mempelawa dia melakukan hubungan seks tanpa dipaksa," katanya.

Kata Ejoe, dia rasa bertanggungjawab mendedahkan penyalahgunaan bahan perangsang seks terbabit bagi menyedarkan masyarakat terutama mengenai kewujudannya, sekali gus membolehkan mereka mengambil langkah berjaga-jaga.

"Saya berharap pihak berkuasa melakukan sesuatu termasuk mengharamkan penjualan serbuk perangsang seks itu bagi menge-

lakkan peningkatan jenayah seks di negeri ini," katanya.

Hasil maklumat Ejoe, wartawan Harian Metro membuat tinjauan di sekitar bandar ini dan mendapati bahan perangsang terbabit dijual di kawasan kaki lima Kampung Cina, Pasar Payang, Pasar Chabang Tiga, di sini, oleh peniaga tempatan dan beberapa warga Thailand yang menjual produk kraftangan.

Dengan mudah, wartawan Harian Metro membeli bahan perangsang terbabit dengan harga RM15 daripada seorang peniaga warga Thailand yang menawarkan bahan itu selepas tidak berminat membeli produk kraftangan jualan warga asing itu.

Peniaga warga Thailand itu juga memberitahu sepeket serbuk itu hanya boleh digunakan sekali bagi menjamin keberkesananannya.

Pemerhatian pada paket bahan itu mendapati ia tertera gambar wanita berbegal dan tulisan dalam bahasa Cina, menunjukkan ia kemungkinan dibawa dari luar negara.